Utusan Borneo: 31 Oktober 2024

Suspek lelaki kes buang bayi direman enam hari

SIBU: Suspek lelaki yang ditahan semalam bagi membantu siasatan kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang, direman enam hari oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Perintah tersebut dikeluarkan Majistret Oon Kork Chern secara Zoom selepas mendengar permohonan daripada pegawai pendakwaan yang diketuai ASP Siti Mariyah Dahari.

Terdahulu, Siti Mariyah memohon tahanan reman tujuh hari terhadap suspek berusia 44 tahun bagi membantu dalam siasatan kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang, pagi kelmarin.

Mahkamah bagaimanapun hanya membenarkan reman enam hari dan mengarahkan suspek dihadapkan semula ke mahkamah pada 5 November depan.

DALAM SIASATAN: Suspek dibawa keluar dari Mahkamah Majistret Sibu bagi permohonan reman bagi membantu sisatan kes pembuangan bayi di Jalan Tong Sang, semalam.

Berdasarkan laporan sebelum ini, suspek bersama seorang remaja perempuan berusia 14 tahun telah ditahan bagi membantu sisatan kes penemuan bayi lelaki di Jalan Tong Sang, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkilli Suhaili dalam kenyataan media kelmarin berkata, tindakan pantas pihak polis menjalankan siasatan telah membawa kepada penangkapan kedua-dua suspek.

Katanya, bayi tersebut ditemui dalam keadaan lemah di dalam bekas penyimpanan ikan berhampiran tempat pembuangan sampah sekitar jam 8.30 pagi itu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran dengan niat membuang bayi, yang boleh membawa hukuman penjara sehingga dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

◆ Lihat Muka 2

Suspek lelaki kes buang bayi direman enam hari

Dari Muka 1

Berdasarkan siasatan awal, katanya bayi yang ditemui bersama uri dan tali pusatnya itu disyaki baru dilahirkan dalam tempoh kurang daripada 24 jam.

"Bayi tersebut kini dirawat di Hospital Sibu dan dilaporkan berada dalam keadaan stabil dengan berat 1.48 kilogram," ujarnya.